



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

ORIENTASI MATLAMAT DAN KECENDERUNGAN KEAGRESIFAN INSTRUMENTAL DI KALANGAN PEMAIN BOLA BALING REMAJA.

BAHARIM BIN HASHIM



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**DISERTASIINI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SEBAHAGIAN
SYARAT UNTUK MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA
PENDIDIKAN (SAINS SUKAN)**

**FAKULTI SAINS SUKAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

NOVEMBER 2007



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PENGAKUAN

Saya mengaku bahawa karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya telah diperjelaskan sumbernya.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

BAHARIM BIN HASHIM
M20031001397

26.01.2007



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



PENGHARGAAN

Alhamdulilah, syukur ke hadrat Allah (S.W.T) kerana dengan izin dan rahmatnya saya telah mampu menyiapkan disertasi ini. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Prof. Madya Dr. Shaharudin bin Abd. Aziz selaku penyelia. Ucapan terima kasih juga saya rakamkan buat semua pensyarah Universiti Pendidikan Sultan Idris yang telah memberi tunjuk ajar sepanjang pengajian saya di sini.

Ucapan terima kasih juga kepada rakan-rakan sepejuangan yang sering membantu dan tidak ketinggalan, ditujukan kepada pegawai dan pemain bola baling Daerah Kinta Dua yang telah memberi kerjasama sepenuhnya dalam proses pengumpulan data.

Penghargaan ini juga ditujukan kepada kedua ibu bapa tersayang yang sentiasa mengiringi doa kejayaan dan akhir sekali penghargaan ini khusus buat isteri tersayang Puan Umi Kalthum binti Amir dan anak-anak : Zikree Ridhuan, Hanis Izzati, Zahirin Syazwan dan Hannah Izzureen yang sentiasa memberi sokong dan dorongan. Andalah sumber inspirasi, tanpa kasih saying anda semua tidak mungkin tugas ini dapat disempurnakan. Semoga Allah sentiasa memberi rahmat kepada anda yang berjasa.

BAHARIM BIN HASHIM





ABSTRAK

Orientasi Matlamat Dan Kecenderungan Keagresifan Instrumental Di Kalangan Pemain Bola Baling Remaja

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti orientasi matlamat dan kecenderungan keagresifan instrumental di kalangan pemain bola baling MSSP Daerah Kinta Dua, Perak. Kajian ini melihat orientasi matlamat, kecenderungan keagresifan instrumental, individu yang mempengaruhi keagresifan instrumental dan situasi yang dijangkakan akan mempengaruhi kecenderungan atlet untuk melakukan keagresifan instrumental. Instrumen soal selidik yang digunakan ialah ‘Task and Ego Orientation In Sport Questionnaire’ (TEOSQ) oleh Duda & Nicholls (1991) dan ‘The Judgement About Moral Behavior In Youth Sport Questionnaire’ (JAMBYSQ) oleh Stephens, Bredemeier & Sheilds (1993). Seramai 166 atlet (85 lelaki dan 81 perempuan), yang terdiri daripada pemain pasukan yang memasuki peringkat suku akhir pertandingan bola baling peringkat daerah ini, telah bekerjasama untuk menjadi sampel kajian. Analisis kajian mendapati penglibatan atlet-atlet ini adalah berorientasikan tugas. Terdapat perbezaan yang signifikan bagi orientasi tugas pemain bola baling lelaki dan perempuan manakala tiada perbezaan yang signifikan bagi orientasi ego. Atlet-atlet ini juga cenderung untuk melakukan keagresifan instrumental. Keagresifan instrumental mereka dipengaruhi oleh guru atau jurulatih. Situasi yang mempengaruhi atlet lelaki melakukan keagresifan instrumental adalah ‘kedudukan seri’ manakala bagi situasi yang mempengaruhi atlet perempuan adalah situasi yang ‘menaikkan semangat’ mereka.





ABSTRACT

Goal Orientation and Instrumental Aggression Tendencies Among Teenage Handball Players

The purpose of this study is to identify goal orientation and instrumental aggression tendencies among handball players participating in the MSSP Kinta Dua District tournament. In this study, the following aspects were examined; goal orientation, individuals that influence instrumental aggression and situations perceived to influence the athletes' likelihood to aggress. The 'Task and Ego Orientation in Sport Questionnaire' (TEOSQ) by Duda and Nicholls(1991) was used as the research instrument, together with the 'Judgement About Moral Behaviour in Youth Sport Questionnaire (JAMBYSQ) by Stephens, Bredemeier & Shields(1993). A total of 166 athletes (85 males and 81 females) from the teams participating in the quarter finals of the district level handball tournament were taken as research samples. The results reveal that athletes' participation in the MSSP Kinta Dua District handball tournament was task-oriented. There was a significant difference between the task orientation of male and female athletes, while for ego orientation, no significant difference was found. It was also discovered that the athletes have the tendency to use instrumental aggression that was influenced by their teachers or coaches. The situations that influence the male athletes to aggress is the 'draw score' situation, while the female athletes will use instrumental aggression in situations that 'arouse their spirits'





KANDUNGAN.

HALAMAN

PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	x
SENARAI RAJAH	xii

BAB 1 PENDAHULUAN

1.1	Pengenalan.	1
1.2	Latar belakang kajian.	9
1.3	Pernyataan masalah.	13
1.4	Objektif kajian	16
1.5	Persoalan kajian.	17
1.6	Batasan kajian.	18
1.7	Definisi operasional.	19

BAB 2 SOROTAN LITERATUR

2.1	Pengenalan.	21
2.2	Motivasi	22
2.3	Motivasi Intrinsik dan Ekstrinsik	24
2.4	Teori Motivasi.	26
	2.4.1. Motivasi pencapaian dalam sukan bola baling.	26
	2.4.2. Motivasi keyakinan diri.	27
2.5	Orientasi Matlamat.	30





2.6	Teori-teori keagresifan.	31
	2.6.1 Teori Naluri.	32
	2.6.2 Teori Pembelajaran Sosial.	33
	2.6.3 Teori Pemahaman Moral Bredemeier.	34
	2.6.4 Formulasi semula teori Frustrasi-Agresif.	36
2.7	Kerangka teoritikal kajian.	37
2.8	Faktor-faktor yang mempengaruhi keagresifan dalam sukan.	38
2.9	Kajian-kajian berkaitan orientasi matlamat (tugasan & ego) dalam bola baling.	45
2.10	Kajian-kajian berkaitan orientasi matlamat (tugasan & ego) dalam sukan	46
2.11	Kajian berkaitan dengan keagresifan.	51
2.12	Rumusan	53



3.1	Pengenalan.	56
3.2	Rekabentuk kajian.	57
3.3	Kerangka konseptual kajian.	58
3.4	Tempat kajian.	60
3.5	Sampel kajian..	60
3.6	Instrumen kajian.	61
3.7	Kebolehpercayaan dan kesahan instrumen kajian.	65
3.8	Kajian rintis	66
3.9	Prosuder kajian.	68
3.10	Analisis data.	70

BAB 4 KEPUTUSAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	71
4.2	Maklumat demografi responden	72





4.2.1 Umur responden.	72
4.2.2 Jantina responden.	73
4.2.3 Pengalaman bermain bola baling.	73
4.2.4 Pengalaman dengan jurulatih .	74
4.2.5 Jangkaan responden sebelum bertanding.	74
4.3 Corak orientasi matlamat	75
4.3.1 Analisis corak orientasi matlamat.	75
4.3.2 Perbezaan orientasi tugas.	77
4.3.3 Perbezaan orientasi ego..	78
4.4 Keagresifan instrumental	79
4.4.1 Kecenderungan pemain bola baling	
Daerah Kinta Dua melakukan keagresifan keagresifan instrumental.	79
4.4.2 Perkaitan diantara orientasi matlamat dan keagresifan instrumental.	80
4.4.3 Perbezaan kecenderungan keagresifan instrumental pemain bola baling	
Daerah Kinta Dua.	82
4.4.4 Situasi yang mempengaruhi pemain bola baling	
Daerah Kinta Dua.	82
4.4.5 Situasi yang mempengaruhi keagresifan instrumental pemain bola baling lelaki.	84
4.4.6 Situasi yang mempengaruhi keagresifan instrumental pemain bola baling perempuan.	85
4.4.7 Individu yang berpengaruh pemain bola baling	
Daerah Kinta Dua melakukan keagresifan.	86
4.4.8 Individu yang mempengaruhi pemain bola baling lelaki melakukan keagresifan instrumenta.	87
4.4.9 Individu yang mempengaruhi pemain bola baling perempuan melakukan keagresifan instrumental.	88



**BAB 5 PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN**

5.1	Pengenalan.	89
5.2	Perbincangan.	90
5.3	Rumusan.	95
5.4	Cadangan	97
5.5	Cadangan untuk kajian akan datang.	99
5.6	Penutup	100
RUJUKAN		101

**LAMPIRAN**

1.	Borang soal selidik.	117
2.	Surat permohonan membuat kajian ke Jabatan Pelajaran Perak.	123
3.	Surat kebenaran menjalani penyelidikan daripada Jabatan Pelajaran Perak.	124
4.	Suarat Kebenaran daripada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar pendidikan Kementerian Pelajaran Malaysia.	125





SENARAI JADUAL

JADUAL	HALAMAN
4.1 Nilai Kebolehpercayaan Instrumen Kajian.	68
4.2 Taburan Responden Mengikut Umur.	72
4.3 Jantina Responden.	73
4.4 Pengalaman Responden Bermain Bola Baling.	73
4.5 Pengalaman Responden Dengan Jurulatih.	74
4.6 Jangkaan Responden Sebelum Bertanding	74
4.7 Corak Orientasi Matlamat Pemain Bola Baling Daerah Kinta Dua.	76
4.8 Corak Orientasi Matlamat Pemain Bola Baling Lelaki	76
4.9 Corak Orientasi Matlamat Pemain Bola Baling Perempuan	77
4.10 Perbezaan Orientasi Tugasan Pemain Bola Baling Daerah Kinta Dua (Ujian-t).	78
4.11 Perbezaan Orientasi Ego Pemain Bola Baling Daerah Kinta Dua (Ujian -t)	78
4.12 Taburan Kecenderungan Keagresifan Instrumental Pemain Bola Baling Daerah Kinta Dua.	79
4.13 Skala Kekuatan Korelasi.	80
4.14 Kolerasi Matriks- Hubungan (r) Antara Orientasi Matlamat (Tugasan dan Ego) Dengan Keagresifan Instrumental.	81
4.15 Perbezaan Kecenderungan Keagresifan Intrumental Pemain Bola Baling Daerah Kinta Dua (Ujian-t).	82
4.16 Situasi Yang Mempeng Keagresifan Instrumental Pemain Bola Baling Daerah Kinta Dua.	83
4.17 Situasi Yang Mempengaruhi Keagresif Instrumental Pemain	





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Bola Baling Lelaki Daerah Kinta Dua.

84

4.18	Situasi Yang Mempengaruhi Keagresifan Instrumental Pemain Bola Baling Perempuan Daerah Kinta Dua	85
4.19	Individu Yang Mempengaruhi Pemain Bola Baling Daerah Kinta Dua Melakukan Keagresifan Instrumental.	86
4.20	Individu Yang Mempengaruhi Keagresifan Instrumental Pemain Bola Baling Lelaki Di Daerah Kinta Dua.	87
4.21	Individu Yang Mempengaruhi Keagresifan Instrumental Pemain Bola Baling Perempuan Daerah Kinta Dua.	88



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

SENARAI RAJAH

RAJAH

HALAMAN

2.1	Perspektif Keseluruhan Kerangka Teoritikal kajian orientasi matlamat dan kecenderungan keagresifan instrumental	38
3.1	Kerangka konseptual peranan orientasi matlamat, kecenderungan keagresifan dan faktor-faktor kontekstual.	59



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
1

BAB 1

PENDAHULUAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

1.1 Pengenalan

Matlamat pendidikan di Malaysia adalah untuk melahirkan rakyat yang berilmu pengetahuan, berakhhlak mulia, bertanggungjawab, berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara. Untuk membentuk insan yang kamil, penerimaan ilmu secara teori melalui kurikulum di sekolah tidak akan mantap tanpa pengamalan praktikal atau amali. Di sinilah letaknya peranan kokurikulum. Gerak kerja kokurikulum, yang membentuk keperibadian pelajar melalui berbagai aktiviti amali, dikelompokkan kepada tiga kumpulan, iaitu pasukan beruniform, persatuan atau kelab serta sukan dan permainan. (Shahril & Habib , 1999).



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



Sukan merupakan aktiviti yang dapat meningkatkan kecerdasan fizikal. Aktiviti bersukan selalunya dikaitkan dengan konsep bersenam, bermain, beriadah dan bergembira. Tahap aktiviti fizikal pula boleh dikaitkan secara positif dengan peningkatkan tahap kesihatan mental (Stephens, 1988). Namun, terdapat juga beberapa tingkah laku negatif yang timbul, seperti keganasan dan keagresifan di dalam sukan. Perkara-perkara ini boleh menghalang seseorang daripada menikmati faedah bersukan. Persoalannya, apakah matlamat bersukan, sehingga boleh mengwujudkan keagresifan? ‘Ganas’ atau ‘keganasan’ didefinisikan sebagai suka menyerang, suka marah, bengis dan tidak bertimbang rasa. Sementara agresif adalah tingkah laku yang cenderung untuk menyerang (Kamus Dewan, 1989). Menurut Martens (1979), keganasan dan keagresifan adalah sama dan tahap keganasan dan keagresifan bergantung kepada ransangan yang diterima dan orientasi matlamat atlet



Orientasi matlamat merupakan motif penglibatan seseorang atlet dalam bidang sukan. Menurut Roberts (1992), orientasi matlamat terbahagi kepada dua perspektif iaitu:

- i. Orientasi tugas (Task Orientation)
- ii. Orientasi ego (Ego Orientation)

Orientasi matlamat selalunya akan mempengaruhi tindakan atlet dalam permainan. Atlet yang beorientasikan tugasnya biasanya akan menyandarkan kebolehan dan kepakaran sebagai kayu pengukur bagi kejayaan dan kegagalan. Bagi atlet yang berorientasikan ego pula, selalunya kejayaan dan kegagalan dinilai dengan membandingkan dengan kemampuan orang lain (Duda, 1998). Kajian tentang orientasi matlamat atlet adalah perlu bagi melihat motif perlibatan atlet dan kaitannya dengan keagresifan Instrumental.





Ahli psikologi sukan mendefinisikan keagresifan sebagai apa sahaja bentuk tingkah laku yang bermatlamat untuk menyakiti atau mencederakan benda hidup yang lain, yang mana benda hidup tersebut mempunyai motivasi untuk mengelakkan diri mereka daripada disakiti atau dicederakan (Baron & Richardson, 1994). Istilah keagresifan ini boleh digunakan dalam banyak cara, sama ada di dalam sukan atau senaman. Menurut Gill (1986), istilah ini telah secara automatik menarik perhatian sekumpulan orang dan seterusnya akan menghasilkan penilaian positif atau negatif serta tindak balas emosi. Akan tetapi, kebanyakan keagresifan dalam situasi sukan bergantung kepada interpretasi sama ada negatif atau positif.

Silva (1988) menganggap keagresifan sebagai tingkah laku yang berupa percakapan atau perlakuan fizikal yang boleh mencederakan individu lain. Cox (1998) bersetuju dengan Silva, tetapi menambah dengan keadaan semasa bersukan. Pendapat ini selari dengan pendapat Alderman (1974), yang mengatakan bahawa keagresifan mempunyai kaitan dengan bergaduh atau perlakuan ganas yang bertujuan untuk mencederakan lawan. Ianya tidak melibatkan sikap dan emosi individu. Kebiasaannya keagresifan dizahirkan melalui tingkah laku seseorang apabila dirangsang untuk melakukannya.

Gill (1986) menggariskan empat kriteria yang menyebabkan berlakunya keagresifan. Pendapat ini disokong oleh Baron & Richardson (1994) di mana kriteria tersebut adalah:

- i. Perlakuan atau tingkah laku.

Seorang pemain bola baling merempuh pemain lawan. Merempuh itu merupakan tingkah laku dan ianya dikira sebagai keagresifan.

- ii. Bermatlamat (mempunyai niat).





Jika seorang pemain bola baling mencederakan dagu lawan semasa melontar bola untuk menjaringkan gol, ini tidak dianggap sebagai keagresifan kerana dia tidak berniat untuk mencederakan lawannya.

- iii. Menyebabkan atau mendatangkan kecederaan dan kesakitan secara fizikal atau psikologikal.

Keagresifan secara fizikal adalah seperti menyiku, menumbuk, merempuh manakala secara psikologikal adalah seperti mengejek, mencela, memaki yang boleh menyakiti dan mengcikilan lawan.

- iv. Ditujukan kepada benda hidup yang bermotivasi untuk mengelakkan diri daripada dicederakan.

Contohnya jika pemain bola baling membaling bola ke dinding di dalam bilik persalinan kerana tidak puas hati, ini tidak dianggap sebagai



Walau bagaimanapun, Wann (1997) berpendapat bahawa, keagresifan adalah satu tindakan yang bermatlamat untuk mengakibatkan kecederaan secara fizikal, verbal atau psikologikal ke atas seseorang yang bermotivasi untuk mengelakkan diri daripada dicederakan dan / atau perbuatan yang mendatangkan kerosakan kepada harta benda yang berpunca daripada kemarahan. Pendapat ini disokong oleh Shaharudin (2001), kerana ia mengambil kira kerosakan harta benda sebagai ciri keagresifan. Oleh itu, misalnya, jika seorang pemain hoki tidak berpuas hati terhadap pengadil dan telah memecahkan pintu bilik persalinan, ini dianggap satu tindakan keagresifan (Shaharudin, 2001).

Buss (1961), membahagikan keagresifan kepada dua iaitu keagresifan ketara (Hostile / reaktif) dan keagresifan instrumental. Keagresifan ketara merujuk kepada keagresifan yang berpunca daripada rasa marah dengan matlamat untuk mencederakan





individu lain (atau objek) serta dengan niat untuk melihat individu tersebut mengalami kesakitan. Ganjarannya (kepuasan) pula melihat individu tersebut terseksa dengan kesakitan yang dialaminya (Silva, 1984). Ciri keagresifan ketara adalah, wujudnya perasaan marah atau dendam dan merancang atau berniat untuk menumbuk / menyiku / atau merempuh pemain lawan sehingga tercedera / menderita. Individu ini akan merasa puas (ganjaran) bila melihat pemain lawan menderita. Bagi individu ini, mereka tidak mementingkan keputusan pertandingan sebaliknya, apa yang penting bagi mereka adalah dapat merugikan lawan.

Menurut Baron & Richardson (1994) pula, keagresifan adalah apa sahaja bentuk tindakan dan perlakuan yang bermatlamat untuk menyebabkan kecederaan ke atas benda hidup yang lain, dan bermotivasi untuk mengelakkan diri daripada dicederakan. Keagresifan dibahagikan kepada dua jenis iaitu keagresifan ketara dan keagresifan instrumental. Keagresifan ketara merupakan tindakan agresif yang berpunca daripada rasa marah dengan matlamat untuk mencederakan individu lain serta dengan niat untuk melihat individu tersebut mengalami kesakitan dan merasa puas melihat individu tersebut tersiksa.(Silva, 1984) Keagresifan instrumental pula adalah satu tingkah laku yang bertujuan untuk mencederakan lawan untuk memperolehi faedah yang lain (Silva, 1981). Keagresifan instrumental sering dilakukan oleh atlet, di mana seseorang atlet akan bertindak mencederakan lawan kerana dorongan untuk mengatasi kehebatan pihak lawan ataupun untuk mencapai kemenangan. Dalam kajian ini, penyelidik akan mengenalpasti kewujudan keagresifan instrumental dalam sukan bola baling, dan perkaitannya dengan orientasi matlamat atlet.





Keagresifan instrumental pula adalah tingkah laku agresif yang juga bertujuan (niat) untuk merugikan lawan (mendatangkan kecederaan), tetapi matlamatnya bukan untuk membuat mangsa menderita, sebaliknya adalah untuk mendapatkan kelebihan (faedah / ganjaran) lain seperti kemenangan dan sebagainya (Silva, 1980). Individu yang melakukan keagresifan instrumental melihat tindakan ini sebagai satu keperluan (instrumental) untuk mencapai matlamat yang diingini. Sebagai contoh, di dalam permainan bola baling, seorang pemain merempuh dengan kasar pemain lawan yang bahaya yang ingin melontar bola ke arah gol. Tindakan tersebut dilakukan bukan kerana pemain pertahanan tersebut marah atau benci terhadap lawannya, sebaliknya jika penyerang bahaya tersebut cedera maka peluang untuk pasukan lawan menjaringkan gol adalah tipis, seterusnya meningkatkan peluang pasukannya untuk menang. Bagi tujuan kajian ini, keagresifan instrumental dipilih kerana umum menganggap tindakan keagresifan remaja adalah untuk mendapat kelebihan seperti kemenangan.

Terdapat satu lagi istilah yang menunjukkan tingkah laku agresif dalam sukan iaitu Tingkah laku Asertif (*Assertive Behavior*). Menurut Shaharudin (2001) tindakan asertif merujuk kepada penggunaan fizikal atau verbal dengan cara yang dibenarkan (mengikut undang-undang permainan) untuk mencapai matlamat (kemenangan). Jika berlaku kecederaan akibat tindakan asertif, ianya tidak dikira sebagai tindakan agresif kerana tindakan tersebut mengikut peraturan permainan dan tiada niat untuk mencederakan pemain lawan. Dalam konteks permainan pula, jika jurulatih mengarahkan pemainnya lebih agresif, ini bermaksud supaya bermain lebih keras tetapi tidak bermaksud untuk mencederakan lawan (Silva, 1980; Silva & Conroy, 1995). Walau bagaimanapun, jika pemain tercedera akibat tindakan tersebut, ianya lebih merupakan insiden dalam permainan (Silva, 1980). Satu contoh permainan keras





di dalam permainan bola baling adalah pemain menolak tangan lawan semasa merebut bola. Tindakan tersebut dilakukan dengan bertujuan untuk mengelakkan pemain lawan daripada selesa dan untuk mengelakkannya daripada melakukan jaringan gol.

Adalah amat sukar untuk menilai sesuatu perlakuan sebagai asertif atau agresif kerana ianya melibatkan niat atlet. Sukar untuk menilai niat seseorang pemain apabila mereka melakukan sesuatu tindakan dalam konteks permainan kerana ianya berlaku terlalu pantas, khususnya di dalam sukan yang bercorak dinamik serta kemahiran terbuka (*open skill*) (Shaharudin, 2001). Menurut Alderman (1974), penglibatan atlet di dalam sukan adalah berdasarkan kepada tahap pertama; iaitu perlakuan asas yang mendorong ke arah kecemerlangan. Tahap kedua pula ialah kebolehan atau bakat semulajadi seseorang dan tahap ketiga adalah mengenai kemahiran spesifik yang diperlukan semasa menjalankan tugas. Tahap-tahap ini akan merangkumi aspirasi pemain, pengiktirafan daripada semua pihak, kejayaan, kestabilan emosi, kompenan personaliti dan motivasi. Ciri-ciri ini yang akan merangsang naluri dan motivasi atlet ke arah tingkah laku agresif bagi merealisasikan matlamat masing-masing. Oleh itu pengadil permainan perlu memainkan peranan penting dalam mentafsir tindakan pemain agar setiap permainan bebas daripada keagresifan.

Berkaitan dengan penjelasan di atas, kajian ini akan menjurus kepada situasi yang mendorong atlet melakukan keagresifan. Situasi tersebut adalah jika pihak lawan melakukan keagresifan, tindakan atlet dijangkakan akan menaikkan semangat pasukan dan kedudukan seri dimana dengan tindakan keagresifan akan membantu menewaskan pihak lawan





Kajian tentang orientasi matlamat dan keagresifan instrumental dalam sukan bola baling akan memberikan gambaran yang jelas tentang permasalahan ini. Secara keseluruhannya, dapatan ini akan membantu pihak-pihak tertentu untuk memahami kaitan diantara orientasi matlamat dan keagresifan instrumental. Menurut Shaharudin (2001), satu perkara menarik yang dapat diperhatikan ialah terdapat sesetengah penggiat sukan yang mendidik serta menggalakkan para atlet agar menjadi lebih agresif sewaktu bersukan. Mereka berpendapat bahawa untuk berjaya di dalam sukan, atlet perlu bersikap dan bermain secara agresif. Untuk meninjau perkara ini dengan lebih mendalam, kajian ini akan melihat individu-individu dan persekitaran yang memberi pengaruh kepada keagresifan instrumental atlet.

Media di Malaysia juga sering menyalahgunakan istilah agresif. Terdapat juga pihak media yang menyalahkan faktor kurang agresif sebagai penyebab kekalahan yang dialami oleh atlet di dalam permainan. Fakta ini haruslah diperbetulkan. Media, sebaliknya patut menggunakan istilah ‘asertif’ untuk menggambarkan permainan yang lebih cergas dan lasak. Tindakan asertif merujuk kepada penggunaan perlakuan fizikal atau verbal dengan cara yang dibenarkan (mengikut peraturan permainan) untuk mencapai sesuatu matlamat (kemenangan) (Shaharudin, 2001).

Di dalam keghairahan penggiat sukan untuk mengecap kemenangan, faktor disiplin dan moral atlet haruslah diutamakan. Sukan patutlah dijadikan arena untuk membentuk disiplin dan moral atlet. Pendapat yang mengatakan bahawa keagresifan merupakan ramuan kejayaan sesuatu pasukan perlu dinilai semula supaya bersesuaian dan dapat diterima oleh masyarakat (Shaharudin, 2001). Apa gunanya kemenangan jika persembahan atlet dilihat tidak bermoral? Moral mempengaruhi cara manusia





berinteraksi antara satu sama lain, juga, bagaimana tingkahlaku mereka mempengaruhi perasaan dan kepentingan orang lain (Iheoma, 1986).

Isu disiplin dan moral tidak dapat dipisahkan daripada arena sukan tempatan dan antarabangsa. Oleh itu, penyelidik telah memilih untuk mengkaji orientasi matlamat dan kecenderungan keagresifan instrumental yang dipamirkan oleh pelajar-pelajar sekolah sewaktu pertandingan sukan. Satu kajian telah dijalankan ke atas pemain bola baling di dalam pertandingan peringkat Daerah Kinta Dua Perak dalam Kejohanan Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Negeri Perak. Pasukan yang dipilih untuk kajian ini adalah pasukan yang telah berjaya memasuki peringkat suku akhir. Penyelidik juga mengkaji corak orientasi matlamat yang mempengaruhi keagresifan instrumental pelajar serta faktor individu dan situasi persekitaran yang mempengaruhi keagresifan.



1.2 Latar Belakang Kajian

Penglibatan dalam sukan oleh kanak-kanak dan remaja biasanya mempunyai kaitan secara langsung dengan sistem persekolahan. Di peringkat sekolah, aktiviti sukan adalah wajib kerana ia perlu untuk meningkatkan pertumbuhan mental dan fizikal pelajar. Manakala, menurut psikologi perkembangan pula, bersukan dapat memenuhi keperluan pertumbuhan fizikal, mental, emosi dan sosial kanak-kanak dan remaja (Bergain dan Habusta, 2004). Menyedari bahawa sukan amat penting bagi pertumbuhan serta perkembangan kanak-kanak dan remaja, maka ia telah dijadikan sebagai salah satu komponen wajib di dalam kurikulum persekolahan di Malaysia.

Di antara faedah perlaksanaan sukan di sekolah adalah:

- i. Melahirkan individu yang cergas dan sihat dari segi mental dan fizikal.





- ii. Memupuk disiplin, semangat bekerjasama, toleransi, kemahiran berinteraksi dan menghayati semangat kesukanan di kalangan pelajar.
- iii. Melahirkan atlet yang berpotensi di dalam bidang sukan tertentu dan memberi mereka peluang untuk meningkat ke tahap yang lebih tinggi.
- iv. Mewujudkan pasukan yang mantap dan berkualiti di dalam permainan.
- v. Menyediakan atlet pelapis yang berpotensi untuk mewakili daerah, negeri dan negara.
- vi. Memenuhi masa lapang dengan aktiviti riadah yang berfaedah.

Menyedari bahawa penglibatan pelajar di dalam aktiviti sukan memberi faedah yang banyak, maka pihak tertentu telah dipertanggungjawabkan untuk memastikan bahawa pelbagai aktiviti sukan dapat dirancang dan dilaksanakan sepanjang tahun. Ini juga merupakan salah satu langkah untuk mencapai aspirasi negara agar menjadi cemerlang dan unggul dalam sukan di peringkat antarabangsa. Untuk itu, sekolah memainkan peranan yang penting bagi menyediakan aktiviti sukan yang terancang bagi kanak-kanak dan remaja di Malaysia

Satu cara yang paling berkesan untuk mencungkil bakat di dalam bidang sukan di kalangan golongan muda di Malaysia ialah melalui pertandingan sukan yang diadakan sepanjang tahun. Bermula dengan sukan sekolah yang dianjurkan oleh pihak pentadbiran sekolah, hingga ke pertandingan di peringkat daerah, negeri dan kebangsaan; pelajar yang berpotensi di dalam pelbagai acara sukan dan permainan akan bertanding dan mempersempit bakat mereka. Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Malaysia (MSSM) telah dipertanggungjawabkan untuk merancang, menganjur dan memantau perkembangan pertandingan sukan di peringkat sekolah. Tanggungjawab ini dipikul bersama oleh Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Negeri (MSSN), Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Daerah (MSSD) dan pengurus sukan disetiap sekolah.





Kejayaan di dalam sukan di peringkat MSSM, kadangkala tidak berakhir di situ sahaja. Bagi atlet sekolah yang cemerlang, mereka biasanya mensasarkan untuk beraksi di Sukan Malaysia (SUKMA). Kejohanan sukan ini, merupakan pertandingan sukan peringkat kebangsaan di bawah anjuran Majlis Sukan Negara Malaysia dan Majlis Sukan Negeri serta Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Malaysia (MSSM), Majlis Sukan Universiti Malaysia, dan Majlis Sukan Polis Di Raja Malaysia. Ramai atlet yang mengimpikan untuk beraksi di SUKMA, kerana kejohanan sukan ini merupakan salah satu tempat penemuan dan pemilihan atlet bagi mewakili negeri atau negara. Tambahan pula, kini orang ramai telah sedar bahawa sukan memberi peluang kerjaya yang menjanjikan masa depan yang baik.

Walaubagaimana pun, kebanyakkan potensi atlet bermula di sekolah. Di sekolah, pihak pengurusan sukan akan menganjurkan pelbagai pertandingan sukan untuk memberi peluang kepada pelajar untuk melibatkan diri dan mengembangkan bakat. Pelajar yang terbaik di peringkat sekolah akan dipilih untuk mewakili sekolah ke peringkat daerah. Pertandingan sukan diperingkat daerah amat mencabar kerana pelajar akan bertanding mewakili sekolah dan memikul cabaran untuk menjulang nama sekolah. Setiap pasukan akan bersaing dengan matlamat untuk menang. Kemenangan menjanjikan ganjaran seperti hadiah, sijil dan peluang mewakili daerah ke peringkat negeri.

Pertandingan di peringkat daerah merupakan langkah pertama untuk menuju kejayaan yang lebih besar. Situasi ini akan memberi tekanan kepada pemain atau atlet. Tekanan akan menjadi lebih tinggi jika mereka layak ke peringkat suku akhir pertandingan kerana di peringkat suku akhir, pertandingan dijalankan secara kalah mati. Menurut Wall & Gruber (1986), tahap keimbangan atlet tinggi di dalam





permainan yang sukar. Kebimbangan akan kalah, di dalam pertandingan kalah mati, boleh menyebabkan pemain bertindak untuk bermain secara agresif.

Untuk mencapai kejayaan di dalam pertandingan, latihan amat penting. Jurulatih memainkan peranan penting dalam menyediakan program latihan untuk membentuk pasukan yang mantap bagi mencapai kejayaan. Keinginan untuk mencapai kejayaan di dalam pertandingan akan memberi dorongan dan motivasi kepada pemain. Menurut Singer (1975), motivasi adalah daya yang mendorong seseorang untuk mencapai matlamat seterusnya berusaha untuk terus mencapai kejayaan yang lebih cemerlang. Namun begitu, atlet yang selalu berfikir bahawa kemenangan adalah lebih utama daripada memberi persembahan atau corak permainan yang berkualiti akan mudah bertindak agresif (Cox, 1994).

Atlet remaja selalunya amat rapat dengan jurulatih pasukan mereka. Jurulatih

merupakan orang yang mampu mempengaruhi tingkahlaku atlet. Selain daripada jurulatih, rakan sepasukan, rakan karib dan ibu bapa juga boleh mempengaruhi tingkahlaku atlet terutamanya di dalam pertandingan. (Shaharudin, 1998). Selain daripada pengaruh individu, situasi juga boleh mempengaruhi tingkahlaku atlet. Di antara situasi tersebut adalah kedudukan seri, kelemahan pengadilan dan tindakan pihak lawan (Shaharudin, 1998).

Dalam kajian psikologi sukan, terdapat dua orientasi matlamat atlet iaitu orientasi matlamat tugas dan orientasi matlamat ego. Orientasi tugas merujuk kepada atlet yang cenderung untuk mementingkan mutu persembahan berbanding dengan keputusan pertandingan (Cox, 1998). Bagi atlet yang berorientasi ego pula, penyertaan mereka dalam pertandingan lebih mementingkan kemenangan dan tidak memberi perhatian kepada kualiti persembahan. Oleh itu, jurulatih diharapkan dapat mengenalpasti orientasi matlamat atlet dalam perancangan program latihan mereka.





supaya matlamat akhir untuk memperolehi kejayaan dan meningkatkan mutu sukan tercapai.

Berdasarkan perbincangan di atas, penyertaan pasukan dalam pertandingan peringkat daerah terdedah kepada keagresifan terutama di dalam sukan kontak. Bola baling merupakan salah satu sukan kontak. Walaupun sukan bola baling masih kurang popular di Malaysia, namun jika pelajar didedahkan dengan permainan yang selamat dan menarik, ini akan meningkatkan populariti sukan bola baling di kalangan rakyat negara ini.

1.3 Penyataan Masalah

Keagresifan dalam sukan memang sudah sinonim dengan sukan kontak. Bola baling

adalah salah satu sukan kontak yang sering memperlihatkan aksi agresif semasa pertandingan, terutamanya dalam situasi menjaringkan gol. Pasukan bola baling Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) juga mempunyai sejarah keagresifan dalam pertandingan yang pernah mereka sertai. Menurut beberapa pemain yang ditemubual, keagresifan sering berlaku sepanjang mereka menyertai pertandingan. Antara contoh yang diberi:

- i. Kejohanan Terbuka Malaysia 2003, pergaduhan terjadi diantara pasukan UPSI dengan Pasukan Perlis yang bermula dengan tindakan keagresifan pemain semasa pertandingan yang kemudiannya melarat sehingga melibatkan pemain simpanan dan penyokong masing-masing.
- ii. Kejohanan MASUM 2004 di UUM, pergaduhan terjadi diantara pasukan UPSI dengan KUITHO bermula dengan keagresifan pemain.





iii. Terbuka UIA 2004, pertelingkahan kecil berlaku diantara pasukan UPSI dengan UKM yang disebabkan oleh keagresifan pemain.

Apa yang menarik, menurut mereka lagi, keagresifan sudah dianggap sebagai perkara yang biasa berlaku dalam setiap pertandingan.

Pemain perempuan bola baling UPSI juga mengalami masalah keagresifan dalam pertandingan yang mereka pernah sertai. Mereka juga mengakui pernah melakukan keagresifan kerana pihak lawan juga melakukan perkara yang sama. Keagresifan dalam sukan bukan sahaja boleh mendatangkan kecederaan fizikal, malahan akan mengakibatkan tekanan mental kepada atlet. Kesan psikologi daripada keagresifan berkait rapat dengan kemerosotan prestasi atlet, kerana menurut Shaharudin (2001), individu yang terlalu agresif akan mempunyai tumpuan yang semakin kecil yang akan mengakibatkan kehilangan beberapa kiu penting dan sering



Keagresifan instrumental yang dilakukan dalam permainan bola baling juga boleh dikaitkan dengan orientasi matlamat seseorang itu sama ada berorientasikan tugas atau berorientasikan ego. Pemain yang berorientasikan tugas akan berusaha gigih sepanjang perlawanan (Nicholls, 1989), manakala pemain yang berorientasikan ego lebih menumpukan kepada pencapaian dan menewaskan lawan (Cox, 1998). Kaitan di antara orientasi matlamat dan keagresifan mendapati pemain yang berorientasikan ego lebih cenderung melakukan keagresifan (Nicholls, 1989). Penggiat sukan bola baling sering mengabaikan corak orientasi matlamat atlet. Mereka selalu menekankan tujuan yang satu di dalam permainan iaitu untuk mencapai kemenangan. Sepatutnya corak orientasi matlamat pemain perlu dikenalpasti dahulu oleh jurulatih kerana pemain yang berorientasi ego dan pemain yang berorientasi matlamat mempunyai cara yang berbeza dalam mencapai matlamat semasa





bertanding. Perbezaan ini, jika tidak ditangani dengan baik boleh mewujudkan sebuah pasukan yang kurang mantap. Pasukan yang tidak mantap berkait rapat dengan tekanan, kebimbangan dan perasaan bersalah. Kekecewaan pemain akhirnya akan menjadi faktor emosi yang kuat yang membawa kepada keagresifan (Berkowitz, 1962).

Di dalam permainan bola baling, situasi permainan dikatakan mempengaruhi pemain untuk melakukan keagresifan instrumental. Ada beberapa situasi yang mendorong pemain untuk bertindak agresif kerana merasakan situasi tersebut memberi tekanan seperti kedudukan mata tertinggal atau seri, permainan kalah mati, permainan penting, keputusan pengadil yang diragui dan lain-lain lagi. Adalah dipercayai bahawa pemain akan membuat keputusan untuk melakukan keagresifan demi menaikkan semangat pasukan, untuk memberi kelebihan kepada pasukan sendiri dan untuk mendapat keadilan. Umumnya, rata-rata pemain bola baling juga berpendapat bahawa pengadil mesti memainkan peranan untuk mengawal keagresifan dalam pertandingan. Adalah dipercayai bahawa pemain akan membuat keputusan untuk melakukan keagresifan demi mendapatkan keadilan jika keputusan pengadil diragui.

Keagresifan instrumental pemain bola baling berkait rapat dengan dorongan dan pengaruh individu tertentu yang memberi kesan kepada pemain. Antara individu yang dipercayai memainkan peranan penting kepada pemain adalah sahabat karib, pemain popular, ketua pasukan, pemain terbaik, jurulatih/ guru penasihat dan ibu bapa pemain. Dalam Kejohanan Terbuka Malaysia 2003, pengaruh jurulatih, pemain simpanan dan penyokong pasukan bola baling UPSI dan Perlis, menyebabkan keagresifan pemain semakin tidak dapat dikawal. Pemain simpanan juga membaling botol minuman kepada pemain simpanan lawan. Kata-kata dan aksi jurulatih dan pemain simpanan ini menyemarakkan lagi keagresifan pemain, seolah-olah tindakan





mereka direstui. Keadaan yang sebegini sudah tentu tidak akan meningkatkan mutu bola baling dan lebih memalukan lagi dilakukan oleh pelajar dari institut pengajian tinggi.

Kesimpulannya, keagresifan akan mendatangkan keburukan kepada pemain bola baling. Mereka mungkin akan mendapat kecederaan yang boleh mengakibatkan kecacatan fizikal ataupun hilang minat untuk melibatkan diri dalam permainan bola baling. Keagresifan pemain bola baling perlu disekat diperangkat awal penyertaan mereka. Kelalaian penggiat sukan diperangkat sekolah akan menyebabkan tingkah laku ini sukar untuk dibendung diperangkat dewasa. Masalah ini merupakan salah satu isu yang boleh menyekat peningkatan mutu permainan bola baling.



Permainan bola baling merupakan salah satu sukan yang sinonim dengan tingkah laku keagresifan. Sehubungan dengan itu, kajian orientasi matlamat dan kecenderungan keagresifan instrumental di kalangan pemain bola baling Daerah Kinta Dua telah dirangka dan dijalankan bagi tujuan mencapai objektif berikut:

- i. Mengenalpasti corak orientasi matlamat pemain lelaki dan perempuan dalam sukan bola baling.
- ii. Mengenalpasti kecenderungan keagresifan instrumental pemain bola baling lelaki dan perempuan
- iii. Mengenalpasti perkaitan antara orientasi matlamat dengan keagresifan instrumental.
- iv. Mengenalpasti faktor individu dan situasi yang mendorong pemain bola baling untuk melakukan keagresifan instrumental di dalam permainan





1.5 Persoalan Kajian

Berdasarkan kepada permasalahan dan objektif kajian, penyelidikan dijalankan bertujuan untuk memberi jawapan kepada persoalan berikut:

- i. Apakah corak orientasi matlamat pemain bola baling MSS Daerah Kinta Dua?
- ii. Adakah terdapat perbezaan corak orientasi matlamat di antara pemain bola baling lelaki dan perempuan MSS Daerah Kinta Dua ?
- iii. Adakah terdapat kecenderungan pemain bola baling MSS Daerah Kinta Dua untuk melakukan keagresifan instrumental ?
- iv. Adakah terdapat perkaitan di antara orientasi matlamat pemain bola baling MSS Daerah Kinta Dua dengan cenderung untuk melakukan keagresifan instrumental ?
- v. Adakah terdapat perbezaan kecenderungan keagresifan pemain bola baling MSS Daerah Kinta Dua ?
- vi. Apakah situasi yang merangsang pemain bola baling MSS Daerah Kinta Dua bertindak secara agresif semasa pertandingan?
- vii. Apakah situasi yang merangsang pemain bola baling lelaki MSS Daerah Kinta Dua untuk bertindak secara agresif semasa pertandingan?
- viii. Apakah situasi yang merangsang pemain bola baling perempuan MSS Daerah Kinta Dua untuk bertindak secara agresif semasa pertandingan?
- ix. Siapakah yang mempengaruhi pemain bola baling MSS Daerah Kinta Dua semasa pertandingan ?





- x. Siapakah yang mempengaruhi pemain bola baling lelaki MSS Daerah Kinta Dua untuk melakukan keagresifan instrumental semasa pertandingan ?
- xi. Siapakah individu yang akan mempengaruhi pemain bola baling perempuan MSS Daerah Kinta Dua untuk melakukan keagresifan instrumental semasa permainan ?

1.6 Batasan Kajian

Kajian ini mempunyai beberapa limitasi seperti berikut:

- i. Faktor kejujuran dan keikhlasan responden ketika menjawab soal selidik adalah di luar kawalan penyelidik.
- ii. Walaupun telah diberi arahan yang jelas dalam borang soal selidik dan masa responden menjawab soal selidik, prosedur mengumpul data mungkin mempengaruhi hasil kajian.
- iii. Hasil kajian ini tidak boleh menggambarkan pasukan-pasukan daerah lain yang bertanding di dalam pertandingan bola baling peringkat MSSP kerana respondennya hanya terdiri daripada pemain pasukan sekolah di Daerah Kinta Dua sahaja.
- iv. Kajian tentang keagresifan di dalam sukan, terutama tentang keagresifan instrumental bola baling amat kurang, oleh itu kebanyakan rujukan yang mengaitkan dapatan kajian adalah daripada pengkaji barat.





1.7 Definisi Operasional

Berikut adalah beberapa istilah yang digunakan di dalam kajian ini:

Keagresifan

Keagresifan merujuk kepada tingkah laku yang berupa percakapan atau perlakuan fizikal yang boleh mencederakan individu lain secara psikologikal atau fizikal (Silva, 1981).

Keagresifan Instrumental

Tingkah laku yang bertujuan untuk mencederakan lawan bagi memperolehi faedah-faedah lain (Silva, 1981). Selalunya atlet melakukan keagresifan instrumental kerana dorongan untuk mendapat kemenangan.

Orientasi Matlamat

Orientasi matlamat merujuk kepada bagaimana individu itu mendefinisikan kejayaannya (Hardy, Jones & Gould, 1996) dan keinginan individu untuk mencapai matlamat sendiri(Cox, 1994; Duda, 1992; Nicholls, 1989)

Orientasi Ego

Orientasi ego merujuk kepada individu yang beranggapan bahawa kejayaan adalah tertumpu kepada mengalahkan individu lain atau melakukan kemahiran yang sama





dengan usaha yang kurang (Nicholls, 1989). Individu seperti ini sering merasakan dirinya telah berjaya sekiranya dapat mengalahkan individu lain dengan usaha yang minima.

OrientasiTugasan

Orientasi tugas merujuk kepada individu yang beranggapan bahawa ia telah berjaya apabila dapat meningkat dan memperbaiki kemahiran sendiri (Nicholls, 1989). Individu yang berorientasi tugas sering menumpukan kepada penguasaan kemahiran dan kebolehan diri sendiri tanpa membandingkan dengan individu lain.



Pemain-pemain bola baling sekolah-sekolah daerah Ipoh berumur bawah 18 tahun dan bertanding dalam pertandingan bola baling MSS daerah Kinta Dua.

